

<p>HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK</p> <p>(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk memohon <i>u</i>FACTOR (PEMFAKTORAN). Pastikan anda juga membaca terma dalam Surat Tawaran. Dapatkan penjelasan daripada institusi anda jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma am.)</p>	<p><i>u</i>FACTOR (PEMFAKTORAN)</p> <p>Tarikh:</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>Pemfaktoran ialah pembelian invoice/bil yang dikeluarkan oleh Penjual (pelanggan kami) ke atas Pembeli yang diluluskan (pelanggan bagi pelanggan kami) dan dalam mempertimbangkan pembelian ini, UOBM akan membiayai/membayar dahulu/mendiskaunkan invoice/bil yang layak.</p>	
<p>2. Apakah ciri-ciri utama produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • UOBM akan membeli invoice/perdagangan belum terima bagi meringankan keperluan modal kerja anda. • Penyelenggaraan Lejar Jualan yang termasuk menjejak jumlah belum terima pada dasar invoice ke invoice bagi setiap Pembeli yang diluluskan • Pemantauan/pengutipan Jumlah Belum Terima • Penilaian penghutang/Perlindungan Kredit dihadkan kepada keingkaran yang berlanjutan, termasuk ketidakmampuan bayar pembeli dan dalam kes-kes tertentu, keingkaran yang disebabkan oleh senario risiko negara (hanya untuk Pemfaktoran Tanpa Bantuan) 	
<p>3. Bagaimanakah faedah dikira?</p>	
<p>Faedah dikira seperti berikut:</p> $\frac{\text{Jumlah Bayaran Pendahuluan} \times \text{Caj Diskaun (ECOF atau BLR + Margin)} \times \text{Tempoh]}}{(365 \text{ or } 360) \times 100}$	
<p>4. Bagaimanakah cara untuk saya memohon produk ini?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Anda perlu mempunyai Kemudahan Pemfaktoran yang diluluskan dengan Bank dan permohonan mesti dilakukan dalam borang Permohonan Standard Bank. • Pengeluaran daripada kemudahan adalah tertakluk kepada penyerahan hutang berjadual yang lengkap serta dokumen sokongan dan ditandatangani oleh penandatanganan yang dibenarkan anda. 	
<p>5. Apakah tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Penyerahan invoice yang sah dan dokumen berkenaan yang lain sebelum tarikh pengeluaran yang dimaksudkan. • Penyerahan laporan penuaan penghutang bulanan. 	
<p>6. Bagaimanakah jika saya gagal menunaikan tanggungjawab saya?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan anda akan ditolak jika anda tidak melengkapkan dokumentasi yang sah. • Sekiranya Pembeli tidak melakukan pembayaran pada tarikh matang, pinjaman akan diklasifikasikan sebagai tertunggak dan faedah ingkar pada BLR + 3.5% setahun akan dikenakan. • Bank boleh menguatkuasakan haknya dan memulakan proses pemulihan/tindakan undang-undang berikutan tiada pembayaran daripada Pembeli. • Kemudahan Pemfaktoran serta apa-apa kemudahan lain anda dengan Bank boleh ditarik balik. 	
<p>7. Apakah risiko-risiko utama?</p>	
<p>Bank hanya berjanji untuk membiayai sehingga 80% daripada invoice dan anda perlu menanggung risiko tiada pembayaran oleh Pembeli untuk baki yang belum dibayar.</p>	

8. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?		
	Dengan Rekursa	Tanpa Rekursa (Dengan atau Tanpa Perlindungan Kredit)
Caj Perkhidmatan	0.1% - 1.0% pada nilai invois, tertakluk kepada jumlah minimum bulanan sebanyak RM500.00	0.35% - 1.25% pada nilai invois, tertakluk kepada jumlah minimum bulanan sebanyak RM1,000.00
Caj Lain	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut	
Nota: Bank boleh menyemak semula komisen, kadar faedah, fi dan caj dari semasa ke semasa pada budi bicara mutlaknya, tertakluk kepada Bank memberikan anda notis 21 hari terlebih dahulu.		
9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?		
Adalah penting untuk anda memaklumkan kami mengenai sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Jika terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda, sila maklumkan cawangan UOBM yang terdekat atau Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan atau hubungi Pengurus Perhubungan UOBM anda.		
10. Di manakah boleh saya dapatkan bantuan dan pembelaan?		
<ul style="list-style-type: none"> Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan Akaun UOBM anda atau menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121 Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Maju Junction Mall, Tingkat 8, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (Tel: 03-26167766 atau E-mel ke enquiry@akpk.org.my). Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121. Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke bnmtelelink@bnm.gov.my). 		
11. Di manakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut mengenai produk?		
<ul style="list-style-type: none"> Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk kami, sila kunjungi cawangan UOBM yang terdekat atau hantar E-mel ke businessbanking.servicecentre@uob.com.my atau log masuk ke www1.uob.com.my untuk maklumat lanjut. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Perbankan Perniagaan UOBM kami di Kuala Lumpur 603 - 2616 6800; Pulau Pinang 604 - 2626 800; Johor Bahru 607 - 2236 800; Kuching 082 - 236 820; Kota Kinabalu 088 - 246 820. 		

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan ini adalah sah pada September 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

Kepada: UNITED OVERSEAS BANK (MALAYSIA) BHD (271809K)

Saya/Kami dengan ini mengakui penerimaan Helaian Pendedahan Produk di atas.

 Penandatanganan yang Dibenarkan & Cop Syarikat
 Tarikh: